



## IKLAN JAWATAN KOSONG

Permohonan adalah dipelawa daripada rakyat Negeri Johor Darul Ta'zim atau warganegara Malaysia yang berkeelayakan dan berumur tidak kurang daripada 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan untuk mengisi kekosongan jawatan-jawatan berikut di Yayasan Pelajaran Johor :

### 1. NAMA JAWATAN

BIL	SKIM PERKHIDMATAN	GREED	TARAF JAWATAN
1	Pembantu Setiausaha Pejabat	N19	TETAP

### 2. JADUAL GAJI MINIMUM DAN MAKSIMUM

BIL	SKIM PERKHIDMATAN	GAJI MINIMUM	GAJI MAKSIMUM
1	Pembantu Setiausaha Pejabat	RM 1,352.00	RM 4,003.00

### 3. SYARAT LANTIKAN

- (i) WARGANEGARA MALAYSIA
- (ii) Berumur :-
  - (a) Tidak kurang daripada 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan bagi lantikan kali pertama dalam Kerajaan.
  - (b) Berumur kurang daripada 54 tahun pada tarikh tutup iklan bagi kenaikan pangkat secara lantikan.

### 4. PENETAPAN GAJI PERMULAAN

Gaji permulaan yang lebih tinggi dalam gred-gred jawatan yang dipohon boleh ditetapkan oleh Pihak Berkuasa Melantik (PBM) berdasarkan kepada pengalaman kerja atau kemahiran berkaitan.

### 5. PENAKLUKAN DI BAWAH SYARAT-SYARAT SKIM PERKHIDMATAN

Pegawai – pegawai yang memasuki Skim Perkhidmatan yang berkenaan adalah tertakluk kepada syarat – syarat Skim Perkhidmatan tersebut yang berkuatkuasa serta pindaan-pindaan yang dibuat ke atasnya dari semasa ke semasa.

### 6. TARIKH TUTUP IKLAN

21 Februari 2021 (Ahad) Jam 12.00 Tengahari

## 7. CARA PERMOHONAN

- (a) Permohonan hendaklah dibuat dengan menggunakan Borang YPJ 007 yang boleh diperolehi secara percuma di Pejabat Yayasan Pelajaran Johor, No. 15, Bangunan YPJ, Jalan Nuri, Larkin Jaya, 80350 Johor Bahru, Johor Darul Ta'zim atau dari Laman Web Rasmi Yayasan Pelajaran Johor.
- (b) Sila nyatakan nama jawatan yang dipohon di kiri sebelah atas sampul berkenaan semasa mengembalikan borang permohonan.
- (c) Permohonan daripada pegawai yang sedang berkhidmat dengan Kerajaan hendaklah Mengikut Peraturan 17, Peraturan – Peraturan Pegawai Awam (Perlantikan, Kenaikan Pangkat dan Penamatan Perkhidmatan 2005)
- (d) Borang permohonan yang lengkap diisi hendaklah disertakan dengan sekeping gambar berukuran pasport dan salinan diakui sah dokumen-dokumen berikut :-
  - i. Kad Pengenalan
  - ii. Sijil Kelahiran
  - iii. Sijil-Sijil Persekolahan (SRP/PMR/PT3/SPM/STA/STPM/STAM)
  - iv. Sijil Berhenti Sekolah Yang Terakhir
  - v. Diploma / Ijazah berserta transkrip penuh (jika berkaitan)
  - vi. Borang permohonan yang telah lengkap diisi hendaklah dihantar ke alamat berikut :

**Pengurus Besar  
Yayasan Pelajaran Johor  
No 15, Bangunan YPJ  
Jalan Nuri , Kg. Dato' Onn Jaafar  
Karung Berkunci 711  
80990 Johor Bahru**

## 8. NOTA / CATATAN AM

- (a) Setiap permohonan jawatan hendaklah menggunakan satu borang sahaja bagi setiap jawatan yang dipohon. Sekiranya permohonan jawatan lebih dari satu hendaklah menggunakan borang yang berasingan.
- (b) Hanya calon – calon yang layak selepas tapisan dan didapati sesuai sahaja akan dipanggil / dihubungi untuk ditemuduga.
- (c) Pemohon yang tidak menerima sebarang jawapan selepas enam (6) bulan dari tarikh iklan ditutup hendaklah menganggap permohonan mereka **TIDAK BERJAYA**.
- (d) Segala perbelanjaan kerana menghadiri temuduga adalah tanggungjawab pemohon sendiri.
- (e) Pegawai-Pegawai kerajaan yang sedang berkhidmat hendaklah mengemukakan permohonan melalui Ketua Jabatan masing-masing dan disertakan dengan Salinan Kenyataan Perkhidmatan yang dikemaskini serta Laporan Nilain Prestasi Tahunan terkini.

Pengurus Besar  
Yayasan Pelajaran Johor

**JAWATAN : PEMBANTU SETIAUSAHA PEJABAT GRED N19 (TETAP)**

**1. Syarat Lantikan:**

Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:

- a) Warganegara Malaysia;
- b) Berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan; dan
  - i. Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan. (Gaji permulaan ialah pada Gred N19: RM1,352.00); atau
  - ii. Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan serta Sijil Kemahiran Malaysia Tahap 2 dalam bidang berkaitan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya. (Gaji permulaan ialah pada Gred N19: RM1,408.40); atau
  - iii. Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan serta Sijil Kemahiran Malaysia Tahap 3 dalam bidang berkaitan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya. (Gaji permulaan ialah pada Gred N19: RM1,464.80).

**2. Syarat Bahasa Melayu**

Calon bagi lantikan hendaklah memiliki **Kepujian** (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia / Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.